



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT YB MENTERI KESIHATAN BERSAMA EXCO KESIHATAN

Saya telah mempengerusikan Mesyuarat YB Menteri Kesihatan bersama Exco Kesihatan Negeri yang pertama di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 10 April 2023 (Isnin). Penganjuran mesyuarat ini membuktikan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di setiap negeri.

Saya ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat ini yang dihadiri oleh Exco Kesihatan, mewakili setiap negeri merupakan satu platform bagi menyampaikan keputusan dan dasar semasa KKM untuk makluman dan tindakan Exco Kesihatan Negeri. Di samping itu, Mesyuarat ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa dan perkara-perkara berbangkit daripada YB Menteri Kesihatan bersama Exco Kesihatan Negeri yang lepas. Selain itu, ia merupakan satu platform bagi membentangkan maklumat-maklumat khusus untuk perbincangan dan keputusan ahli mesyuarat.

Dalam mesyuarat pada hari ini, Kementerian telah membentangkan maklumat berkaitan Analisa Belanjawan 2023 dan peruntukan perbelanjaan KKM yang jelas menarik perhatian semua Exco yang hadir untuk memberi pendapat yang membina. Di bawah Belanjawan 2023, KKM merupakan kementerian yang menerima peningkatan peruntukan kedua terbesar selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan kesihatan awam.

Saya ingin menegaskan bahawa peruntukan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Perpaduan dilakukan setelah membuat penelitian terperinci terhadap dan keperluan dan kepentingan rakyat di setiap negeri selaras dengan konsep Malaysia Madani. Adalah menjadi tanggungjawab setiap kerajaan negeri untuk memastikan peruntukan yang diberikan digunakan secara optima dalam memenuhi keperluan rakyat.

Secara tuntas, mesyuarat ini turut membentangkan isu-isu penting mengenai Kertas Putih Kesihatan, Perbelanjaan dan Projek Pembangunan KKM, dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Saya turut menggesa setiap Exco Negeri agar dapat memainkan peranan aktif dalam memastikan pembentangan Kertas Putih Kesihatan dapat direalisasikan.

Saya juga berharap agar Mesyuarat ini akan dijadikan platform yang menjadi pemangkin untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia MADANI yang sihat sejahtera.

DR. ZALIHA MUSTAFA

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

11 APRIL 2023